

Newspaper	Berita Harian
Date	18/08/2017B

# Mahkamah Tinggi tolak permohonan Dr Mahathir



Keratan akhbar BH yang disiarkan pada 19 Julai lalu.

BH-12/8/2017 Pg. 20

➔ Gagal mohon lucut kelayakan pengerusi, anggota suruhanjaya siasat kerugian urus niaga mata wang asing BNM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad semalam gagal dalam permohonan untuk melucut hak kelayakan pengerusi dan anggota Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1990-an.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datin Azizah Nawawi menolak permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman dikemukakan Dr Mahathir dan membenarkan bantahan Kerajaan Malaysia yang diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Datuk Amarjeet Singh.

Azizah membuat keputusan itu selepas mendapati suruhanjaya berkenaan tiada kuasa menggururkan anggota dalam panelnya sendiri kerana lantikan hanya di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Beliau juga menegaskan, suruhanjaya itu membuat keputusan tepat apabila menolak permohonan Dr Mahathir berdasarkan Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

Seksyen berkenaan menyatakan, pelantikan ahli panel di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

### Permohonan tidak berasas

Hakim itu seterusnya berkata, Seksyen 4 akta sama pula menyatakan, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik ahli panel baharu untuk menggantikan ahli yang meletak jawatan, meninggalkan dunia atau ingin menarik diri.

Katanya, permohonan perintah 'mandamus' dikemukakan Dr Mahathir supaya Kabinet memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melucut hak kelayakan Pengerusi Suruhanjaya Siasatan, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan ahli panel, Tan Sri Saw Choo Boon adalah tidak berasas.

### Fakta nombor

## 8 OGOS

Suruhanjaya Siasatan menolak permohonan untuk kemukakan bantahan awal pelantikan

## 9 OGOS

Dr Mahathir kemukakan permohonan perintah 'mandamus'

Permohonan perintah 'mandamus' dikemukakan Dr Mahathir supaya Kabinet memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melucut hak kelayakan Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Tan Sri Saw Choo Boon adalah tidak berasas"

Azizah Nawawi,  
Hakim Mahkamah Tinggi

Keputusan itu dibuat Azizah dalam kamar beliau yang turut dihadiri peguam, Mohamed Haniff Khatri Abdulla mewakili Dr Mahathir.

Dr Mahathir memfailkan permohonan itu pada 9 Ogos lalu dengan alasan Mohd Sidek sebelum ini Pengerusi Pasukan Tugas Khas (PPK) yang menjalankan siasatan awal kes terbabit, manakala Choo Boon pula seorang daripada anggota PPK.

### Tolak bantahan awal

Pada 8 Ogos lalu, Suruhanjaya Siasatan menolak permohonan Mohamed Haniff Khatri dan R Sivarasa, masing-masing mewakili Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengemukakan bantahan awal berhubung pelantikan berkenaan.

Mohd Sidek dilaporkan berkata, suruhanjaya berkenaan dibentuk atas perkenan Yang di-Pertuan Agong dan pihaknya berpuas hati bagi memulakan prosiding siasatan kes kerugian BNM tanpa mendengar bantahan awal peguam.